

KHUTBAH JUMAAT

“Menjaga Kelestarian Alam Sekitar”
(4 Ogos 2023M/ 17 Muharam 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَعَثَ خَيْرَ نَبِيِّ أُرْسِلَ لِلْأَنَامِ، وَأَنْزَلَ مَعَهُ الْكِتَابَ تَبْيَانًا
لِكُلِّ شَيْءٍ وَبُرْهَانًا لِلْأَوْهَامِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk :
‘Menjaga Kelestarian Alam Sekitar’.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Alam sekitar merupakan salah satu dari anugerah Allah *subhanahu wata'ala* yang amat bernilai. Allah *subhanahu wata'ala* mencipta alam ini seimbang untuk kemakmuran manusia dan makhluk-makhluk lain. Coba kita perhatikan di sekeliling kita, alam yang menghijau, laut yang membiru, pertukaran malam dan siang, haiwan-haiwan, semuanya diciptakan untuk kita nikmati.

Namun, di sebalik keindahan semua ini, penjagaan alam sekitar juga dititikberatkan dalam Islam. Hal ini dapat dilihat melalui banyak ayat al-Quran yang melarang manusia melakukan kerosakan, menyuruh memakmurkan alam dan larangan bersikap sombong di dunia. Antaranya, firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-A'raf, ayat 56:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا ۚ إِنَّ رَحْمَتَ
اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya : *Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (jika tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat bagi orang yang memperbaiki amalannya.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Isu perubahan iklim yang melanda dunia pada ketika ini telah berlaku sejak abad ke-18 hasil daripada tercetusnya Revolusi Industri.

Aktiviti-aktiviti perindustrian ini telah mendorong manusia untuk melakukan pembakaran sejumlah besar bahan bakar fosil, petroleum dan arang batu bagi menghasilkan haba dan elektrik demi memenuhi keperluan manusia. Perbuatan tersebut telah menyebabkan pembebasan karbon dioksida, sejenis gas rumah hijau yang meliputi ruangan atmosfera, kesannya akan menghalang haba dari bebas ke angkasa dan terperangkap dalam atmosfera tersebut sehingga berlakunya perubahan suhu bumi yang mendadak.

Perubahan iklim terjadi disebabkan oleh banyak perkara, antaranya ialah pelepasan gas rumah hijau daripada asap kenderaan, pelupusan sisa pepejal dan pelepasan gas yang tidak dirawat daripada kilang atau di kawasan perindustrian, pembakaran terbuka, pembalakan haram dan penebangan hutan yang tidak terkawal. Sekiranya perkara ini terus dibiarkan, ia akan mengakibatkan bencana alam seperti jerebu, kemarau, tanah runtuh, banjir, ribut taufan, krisis bekalan air, peningkatan paras air laut dan sebagainya.

Baru-baru ini, negara telah dengan bencana banjir di negeri Johor yang mencatatkan 74,453 jumlah mangsa banjir pada bulan Mac 2023. Selain itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) turut mengeluarkan amaran cuaca panas pada tahap berjaga-jaga di beberapa negeri.

Menurut satu laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 2018 telah menjangkakan kadar kematian disebabkan kesan perubahan iklim adalah sebanyak 250,000 pada

tahun 2030 ke 2050. Selain itu, Laporan Penilaian Perubahan Iklim Ke-6 yang dikeluarkan oleh Panel Perubahan Iklim Antara-Kerajaan (IPCC) telah menyatakan bahawa pemanasan global meningkatkan suhu kini berada di ambang melepasi had 1.5 darjah celsius yang dimandatkan di bawah Perjanjian Paris diratifikasi 175 buah negara termasuk Malaysia.

Melihat kepada laporan dan statistik ini, kita harus sedar risiko bahaya yang bakal melanda pada masa akan datang. Perubahan iklim bukan sahaja boleh mengancam keseimbangan ekosistem malah boleh menjejaskan nyawa.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Seiring dengan konsep khalifah yang diberi amanah untuk mengurus dan mentadbir bumi ini dengan sebaiknya, maka menjadi tanggungjawab semua pihak untuk bertindak dan berperanan melindungi dan mengimarahkan bumi bagi memastikan alam sekitar berada dalam keadaan baik untuk didiami oleh kehidupan pada masa kini dan mendatang.

Dalam hal ini, pihak kerajaan Sarawak khususnya amat komited dalam usaha menangani isu perubahan iklim bagi demi menjaga kelestarian alam sekitar. Melalui Strategi Pembangunan Pasca Covid-19 2030, pihak kerajaan telah memberi penekanan kepada Inisiatif Ekonomi Hijau dan Inisiatif Ekonomi Biru. Inisiatif ini antara lain menggalakkan penanaman semula pokok, penggunaan tenaga boleh diperbaharui seperti hidrogen dan mengurangkan jejak karbon dan sebagainya.

Masyarakat perlu juga memainkan peranan penting dalam menangani perubahan iklim melalui perubahan ke arah gaya hidup yang lestari seperti amalan pengasingan sisa dan kitar semula, membudayakan penanaman pokok, mengurangkan penggunaan polisterina dan beg plastik dalam kehidupan seharian dan sebagainya. Dengan adanya institusi kerajaan yang mantap serta sokongan dan kerjasama semua lapisan masyarakat dan warga yang prihatin, pastinya pelbagai isu berkaitan alam sekitar dapat ditangani dengan lebih baik dan berkesan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kelestarian alam sekitar bukan sahaja akan membawa pertumbuhan dan kestabilan ekonomi yang mampan, malah ia juga mencerminkan model sebuah negeri dan negara yang bertamadun. Krisis perubahan iklim perlu ditangani dalam memastikan peningatan suhu global dapat dikurangkan bagi mengelakkan berlakunya sebarang bencana alam.

Akhirnya, mimbar mengambil kesempatan untuk berpesan kepada para jemaah sekalian agar bersama-sama kita memainkan peranan masing-masing dalam menghadapi dan mengendalikan masalah perubahan iklim ini demi kelestarian alam sekitar. Antara kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah pada hari ini ialah :

Pertama: Tanggungjawab kita sebagai khalifah ialah memastikan bumi ini dimakmurkan dengan sebaiknya kerana ia merupakan amanah dari Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua: Kelestarian alam sekitar bukan sahaja akan membawa pertumbuhan dan kestabilan ekonomi yang mampan, malah ia juga mencerminkan model sebuah negeri dan negara yang bertamadun.

Ketiga: Umat Islam hendaklah memainkan peranan masing-masing dalam menghadapi dan mengendalikan masalah perubahan iklim ini demi kelestarian alam sekitar.

Bagi mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Qasas, ayat 77 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَأَتَّبِعْ فِي مَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۖ
وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۖ إِنَّ اللَّهَ لَا
يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Maksudnya : *Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hambahamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan sendiri dengan
sebaikbaiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak
penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat
kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan
musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan
kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan Negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami

nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.